

DALAM MAHKAMAH TINGGI DI TAIPING
DALAM NEGERI PERAK DARUL RIDZUAN

PERMOHONAN UNTUK SEMAKAN KEHAKIMAN NO.

2015

Dalam perkara mengenai keputusan yang dibuat oleh Responden Pertama melalui notis bertarikh 15.4.2015 yang mengarahkan Pemohon Pertama hingga Kesembilan untuk memindahkan semua hasil pertanian dan produk berkaitan dengan aktiviti pertanian yang dijalankan pada sebidang tanah yang dinyatakan sebagai Wilayah Padang Tembak, Mukim Sungai Siput, Daerah Kecil Sg. Siput (U), 31100, Perak Darul Ridzuan

Dan

Dalam perkara Aturan 53 Kaedah-Kaedah Mahkamah 2012

Dan

Dalam perkara Seksyen 25 Akta Mahkamah Kehakiman 1964 dan perenggan 1 Jadual di dalamnya

ANTARA

1. KRISHNAN A/L LETCHUMANAN
2. THURAIRAJU A/L POOMALAI
3. LAU HIAP LEE
4. ANBALAGAN A/L SINNASAMY
5. YEOH YET KHEONG
6. MOGAN A/L SUBRAMANIAM
7. NAGESPNEREN A/L RAMAN
8. GATHERESAN A/L MUNISAMY
9. SIVAJI A/L SREENIVASAMY
10. DR MICHAEL JEYAKUMAR DEVARAJ ... PEMOHON-PEMOHON

DAN

1. PEJABAT DAERAH DAN TANAH SUNGAI SIPUT
2. PENGARAH TANAH DAN GALIAN NEGERI PERAK
3. KERAJAAN NEGERI PERAK ... RESPONDEN-RESPONDEN

AFFIDAVIT PEMOHON NO. 2

(DIIKRARKAN OLEH PEMOHON KESEPULUH)

[Bagi Menyokong permohonan Semakan kehakiman]

Saya, MICHAEL JEYAKUMAR DEVARAJ (No Kad Pengenalan: 550328-01-5553), seorang warganegara Malaysia yang cukup umur dan beralamat 2A, Jln Sitiawan, Lim Gardens, 30100 Ipoh dengan sesungguhnya dan seikhlasnya berikrar dan menyatakan seperti berikut :-

1. Saya adalah Pemohon Kesepuluh yang dinamakan di atas.
2. Fakta-fakta dan perkara-perkara yang dideposkan di sini adalah dalam pengetahuan peribadi saya atau berdasarkan nasihat, maklumat atau dokumen-dokumen kepada yang mana saya mempunyai akses. Di mana fakta-fakta adalah dalam pengetahuan saya ianya adalah benar dan di mana ianya adalah berdasarkan nasihat, maklumat atau dokumen-dokumen ianya adalah benar sepanjang pengetahuan dan kepercayaan saya.
3. Saya memohon kebenaran Mahkamah Yang Mulia ini untuk merujuk kepada Permohonan Semakan Kehakiman dan Penyataan selaras dengan Aturan 53 Kaedah 3(2) Kaedah-Kaedah Mahkamah 2012 semua difailkan di sini.

PIHAK-PIHAK BERKENAAN

4. Saya merupakan Ahli Parlimen bagi kawasan Sungai Siput sejak tahun 2008.

5. Tugas dan tanggungjawab saya sebagai Ahli Parlimen adalah, antara lain, untuk –

- (i) mewakili dan bekerja di Parlimen bagi pihak semua penduduk di kawasan Sungai Siput dan sebolehnya untuk membantu mengurangkan masalah yang dihadapi oleh pengundi-pengundinya;
- (ii) membantu pengundi-pengundinya untuk berhubung dengan jabatan-jabatan kerajaan yang berkaitan dalam menangani apa-apa isu-isu yang memberi kesan kepada kehidupan dan keajikan mereka;
- (iii) mengetengahkan isu-isu ini di Parlimen bagi membawa rangka kerja undang-undang dan peraturan yang lebih baik menguruskan isu-isu tersebut dengan cara yang lebih baik; dan
- (iv) membangkitkan isu-isu yang berkaitan dengan kesejahteraan dan kepentingan strategik semua rakyat Malaysia secara keseluruhannya.

6. Pemohon Pertama hingga Kesembilan adalah petani-petani yang telah menduduki sebahagian daripada Wilayah Padang Tembak, Mukim Sungai Siput, Daerah Kecil Sg. Siput (U), 31100, Perak Darul Ridzuan [Tanah] untuk aktiviti-aktiviti pertanian.

7. Responden Pertama adalah Pejabat Daerah dan Tanah Sungai Siput yang terletak di bawah penyeliaan Responden Kedua.
8. Responden Kedua adalah Pengarah Tanah dan Galian Negeri Perak yang bertanggungjawab kepada Pihak Berkuasa Negeri bagi pentadbiran tanah dalam negeri Perak sejajar dengan peruntukan Kanun Tanah Negara. Responden Pertama berperanan meningkatkan tahap pengurusan tanah selaras dengan Dasar Pembangunan Negara dan untuk membawa pembaharuan bagi menyediakan perkhidmatan pentadbiran tanah yang cekap, berkesan dan produktif.
9. Pejabat Daerah dan Tanah Sungai Siput adalah di bawah bidang kuasa Responden Pertama. Dalam afidavit ini, apa-apa rujukan kepada Responden Pertama adalah termasuk Pejabat Daerah dan Tanah Sungai Siput.
10. Responden Ketiga adalah Kerajaan Negeri Perak yang memiliki Tanah tersebut.

FAKTA-FAKTA LATARBELAKANG

11. Sebagai seorang Ahli Parlimen yang dilantik bagi kawasan Sungai Siput, saya telah menjalankan tugas untuk menangani apa-apa isu yang memberi kesan kepada kehidupan dan

kebijakan pengundi-pengundi saya. Setiap kali tindakan pihak berkuasa memberi kesan kepada pengundi-pengundi saya, saya sentiasa menetapkan perundingan dengan jabatan-jabatan yang berkaitan. Dalam pengalaman saya, saya mendapati bahawa perundingan yang dijalankan oleh pihak berkuasa dengan niat yang baik adalah sangat bermanfaat dan oleh itu amat penting kepada kedua-dua pihak berkuasa dan orang yang terjejas.

12. Pada atau sekitar tahun 2010, saya menyedari bahawa terdapat tindakan besar-besaran oleh pihak berkuasa kerajaan di Perak dan seluruh Malaysia untuk mengusir petani-petani yang berada di tanah yang tidak dipindah-milik demi alasan pembangunan. Saya telah menerima banyak aduan situasi sebegini sebagai Ahli Parlimen.
13. Walaupun saya tidak ada masalah dengan pembangunan dan projek-projek kerajaan yang sedang dilaksanakan, saya percaya bahawa dalam usaha untuk mencapai status negera maju, ianya adalah penting bagi pihak berkuasa kerajaan dan negeri untuk memastikan tindakan mereka tidak menjaskas kebijakan dan kehidupan rakyatnya.
14. Saya terutama sekali mengambil berat tentang keadaan aktiviti-aktiviti pertanian dalam negara ini kerana semakin banyak tanah telah diambil untuk bangunan, jalan raya dan lain-lain.